



SLOT TEMUBUAL

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (MESTECC)

TOPIK: SAMBUTAN HARI BUMI 2019

PENGENALAN

Sambutan Hari Bumi diraikan pada 22 April setiap tahun di seluruh dunia bagi menyokong usaha melindungi alam sekitar. Bermula pada tahun 1970 dan sehingga kini lebih kurang 193 negara terlibat meraikan sambutan Hari Bumi pada setiap tahun.

Jabatan Alam Sekitar pada setiap tahun telah terlibat dalam penganjuran program-program kesedaran alam sekitar sempena Sambutan Hari Bumi bagi meningkatkan kesedaran masyarakat di Malaysia terhadap alam sekitar.

TUJUAN SAMBUTAN

- Sebagai usaha menghargai bumi dan menyemai rasa tanggungjawab serta meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk melindungi bumi dan alam sekitar.
- Untuk mengingatkan kita jasa bumi yang telah memberi satu ekosistem yang baik untuk didiami.

TEMA HARI BUMI 2019

Lindungi Spesies Kita (Protect Our Species)

- Bertujuan mendidik dan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan melindungi spesies terancam dan hidupan liar yang semakin pupus. Sebab dan akibat daripada fenomena ini mendatangkan keburukan kepada bumi dan alam semulajadi.
- Memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan melindungi spesies terancam serta habitatnya dalam mengekalkan ekosistem alam semulajadi.

PERANAN DAN CADANGAN AKTIVITI HARI BUMI UNTUK ORANG AWAM

- Hindari plastik sekali guna, amalkan membawa beg beli belah yang boleh diguna semula (reusable shopping bag)
- Gunakan semula alat tulis, surat-surat yang hendak dibuang boleh diguna semula sebagai kertas draf dan slip memo
- Guna kertas pada kedua-dua belah muka boleh mengurangkan separuh penggunaan kertas
- Berjalan kaki, berbasikal atau menggunakan pengangkutan awam
- Berkongsi kereta (car pool)
- Jimatkan penggunaan elektrik, padamkan lampu dan alat elektrik yang tidak digunakan.
- Biarkan cahaya matahari masuk di tempat-tempat yang ada tingkap, biarkan bilik diterangi cahaya semula jadi.
- Jimatkan penggunaan air, laporkan kebocoran paip, tutup paip air jika tidak digunakan
- Gunakan peralatan dan aerosol yang bebas CFC atau tidak memudaratkan alam sekitar
- Turut serta dalam program kitar semula
- Menanam pokok
- Mengguna produk mesra alam sekitar (*Green Product*)
- Tidak membuang sampah merata-rata dan menjaga kebersihan sungai serta alam semulajadi

SAMBUTAN HARI BUMI PERINGKAT KEBANGSAAN 2019

Tarikh	:	21 April 2019 (Ahad)
Tempat	:	Taman Awam Teluk Likas 1, Kota Kinabalu, Sabah
Dirasmikan oleh	:	YB Puan Isnaraissah Munirah Majilis, Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
Aktiviti	:	<i>Plogging</i> , Pertandingan Ikon Cilik Alam Sekitar, Program Penghantaran e-Waste, Pertandingan Mewarna, Program Bersama Geng Bubut RTM

PROGRAM SAMBUTAN HARI BUMI PERINGKAT NEGERI SARAWAK 2019

1. Majlis Perasmian Program *Estecc Education In Schools* dan Program Kesedaran Alam Sekitar Bersama-sama Murid-Murid Tabika Kemas.

Tarikh	:	30 April 2019 (Selasa)
Tempat	:	SMK Tun Abdul Razak, Kuching
Dengan kerjasama	:	Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd
Dirasmikan oleh	:	En. Amirul Aripin, Pemangku Pengarah JAS Sarawak
Objektif Program	:	Meningkatkan tahap kesedaran warga sekolah dan murid-murid pra sekolah mengenai kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dan menggalakkan aktiviti mesra alam
Anggaran Peserta	:	400 orang
Keseluruhan	:	20 buah sekolah dengan jumlah keseluruhan 6000 pelajar serta guru menyertai program
Program Estecc	:	
Keseluruhan	:	10 buah tabika dengan jumlah keseluruhan 300 murid-murid pra sekolah serta guru tabika menyertai program
Program Tabika	:	
Aktiviti	:	Ceramah, Kuiz, Permainan, Aktiviti <i>Hands-On</i> , Pameran

2. Seminar Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005

Tarikh : 25 April 2019 (Khamis)
Tempat : Hotel Imperial, Kuching
Dirasmikan oleh : En. Amirul Aripin, Pemangku Pengarah JAS Sarawak
Objektif Program : Meningkatkan pengetahuan dan pematuhan pihak industri terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 ke arah industri pembangunan mampan.
Anggaran Peserta : 350 orang

3. Program Uji Cuba SOP Di Bawah Pelaksanaan Program Pencegahan Kebakaran Dan Pengurusan Tanah Gambut Mudah Terbakar 2019

Tarikh : 24 April 2019 (Rabu)
Tempat : Mukah
Dirasmikan oleh : En. Amirul Aripin, Pemangku Pengarah JAS Sarawak
Objektif Program : Mencegah berlaku kebakaran di kawasan tanah gambut di Mukah, memberi pemahaman mengenai bidang tugas setiap agensi terlibat sekiranya berlaku bencana, *hands-on* infrastruktur tanah gambut dan mewujudkan jaringan kerjasama di antara Agensi Kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan dan orang awam dalam usaha memelihara alam sekitar dan kesihatan masyarakat sejagat.
Agensi/ Organisasi : Residen Mukah, Jabatan Mineral & Geosains (JMG),
Terlibat : Jabatan Pengairan & Saliran (JPS), BOMBA, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, JKR, NREB, Jabatan Tanah & Survei, Pejabat Daerah Mukah,

Dalat, Matu, Daro & Tanjung Manis, Pejabat
Kebajikan, Majlis Daerah Dalat & Mukah, Penghulu,
Ketua Masyarakat dan Ketua Kaampung Sekitar
Mukah